

04/11/1998

Masih kurang teknologi ciptaan Malaysia

DALAM begitu banyak ciptaan sains dan kemajuan teknologi yang memberi kesejahteraan hidup kepada manusia, Malaysia masih belum mampu meletakkan dirinya sebaris dengan negara maju. Malaysia masih dianggap pengguna teknologi ciptaan asing. Berbeza dengan Jepun, negara itu sudahpun mengeksport teknologinya ke seluruh dunia. Negara itu begitu ke hadapan dalam ciptaan perkakasan moden sama ada alat elektrik, elektronik, automasi, robotik, jentera berat, senjata dan sebagainya.

Walaupun tidak dinafikan ada ciptaan sains dan teknologi sama ada melalui hasil kajian individu atau institusi penyelidikan tempatan, bidang skop dan keperluannya begitu terbatas. Untuk muncul sebagai status negara pencipta teknologi, masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan di samping modal yang besar perlu dilaburkan untuk tujuan penyelidikan. Hari ini, bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) di negara ini masih berkisar kepada pengeluaran barangan untuk keperluan tempatan sama ada dari segi produk makanan, alat atau jentera kecil dan sederhana. R & D sama ada di sektor awam atau swasta lebih tertumpu kepada kajian yang membabitkan keperluan sektor-sektor berkenaan. Ia belum sampai ke tahap penyelidikan berorientasikan pengeluaran barangan untuk pasaran global.

Kebanyakan ciptaan hanyalah berasaskan kepada barangan keperluan harian pengguna sama ada untuk barangan dalam rumah, keperluan di dapur, alat kegunaan taman bunga, baja dan sebagainya. Hasil ciptaan yang berkonsepkan keperluan industri, iaitu mengeluarkan enjin dan jentera canggih, masih di luar kemampuan. Memang di negara ini banyak kilang, tetapi ia hanyalah mengeluarkan barangan siap. Rakyat negara ini hanya belajar daripada pemindahan teknologi, bukan pengeluar teknologi.

Mesin dan jentera yang digunakan di kilang-kilang di negara ini diimport. Begitu juga dengan enjin kereta, pesawat udara, kapal laut dan sebagainya, yang masih tidak mampu dikeluarkan di negara ini. Sebagai negara pengeluar petroleum pula, Malaysia masih menggunakan jentera dan teknologi asing untuk mencari gali dan memproses minyak mentah. Sebagai pengeluar kelapa sawit terbesar dunia, kilang-kilang pemproses bahan itu masih menggunakan jentera yang dicipta dan dikeluarkan di negara luar. Apatah lagi untuk mencipta senjata canggih. Boleh dikatakan semua jentera di sektor pembuatan dan kemajuan teknologi maklumat di negara ini adalah buatan luar negara. Jika menghadapi masalah, jurutera atau juruteknik asing terpaksa dipanggil untuk membaikinya.

Dari segi perubatan, walau pun ada kilang yang mengeluarkan ubat, tetapi formula, teknologi dan jentera kilang masih ciptaan asing. Alat-alat yang digunakan di hospital di negara ini semuanya dibawa dari luar negara. Kita tidak boleh selama-lamanya mendabik dada sebagai pengeluar ubat tradisi semata-mata. Satu anjakan baru amat diperlukan.

Langkah awal sudahpun bermula. Dengan kemajuan kereta nasional secara usaha sama dengan beberapa syarikat asing, akan menjadi pemangkin ke arah kejayaan pelbagai industri lain yang lebih besar pada masa akan datang. Begitu juga diharapkan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (Might) akan dapat mencetuskan sesuatu yang benar-benar melakukan kejutan dalam sejarah kemajuan sains dan teknologi negara ini.

Kemajuan teknologi masih menjadi kuasa autonomi rakyat dan negara asing. Malaysia boleh menyediakan modal, tanah, pekerja, pengangkutan, alat perhubungan kestabilan politik dan sebagainya. Tetapi, sesuatu yang masih kurang ialah teknologi ciptaan Malaysia. Setakat ini, Malaysia belum dapat

menampilkan ahli sains yang mampu mencetuskan idea untuk mengeluarkan satu produk kegunaan massa secara global. Adalah diharapkan dengan ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Malaysia mengorak langkah mencipta teknologi dan inovasi kejuruteraan sendiri, akan mencetuskan minat yang lebih besar ke arah itu. Dalam keadaan ekonomi hari ini, sudah tentulah ciptaan teknologi tempatan dapat mengurangkan kos import dan membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Kenyataan Dr Mahathir itu sepatutnya dijadikan cabaran baru jika Malaysia mahu keluar daripada kepompong negara membangun. Kemajuan sains dan teknologi adalah antara ciri-ciri yang diambil kira untuk memberi status negara maju kepada sesebuah negara. Penghasilan produk kejuruteraan untuk tujuan eksport mungkin usaha yang harus difikirkan secara serius kerana ia boleh membantu membetulkan masalah ekonomi yang dihadapi hari ini.

(END)